



UDA HOLDINGS BERHAD

SIARAN MEDIA

UDA SALURKAN RM10,000 SUMBANGAN ZAKAT SEMPENA PROGRAM 'KEMBALI KE SEKOLAH'

Johor Bahru, 12 Disember 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikat Angsana Johor Bahru Mall sekali lagi mendekati masyarakat setempat menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Bertepatan dengan sesi persekolahan tahun baharu yang bakal tiba tidak lama lagi, Angsana Johor Bahru Mall mengambil inisiatif dengan menghulurkan bantuan kepada pelajar yang memerlukan. Program CSR yang diberi nama 'Kembali ke Sekolah' anjuran Angsana Johor Bahru Mall itu telah diadakan di perkarangan tingkat 2, kompleks beli-belah tersebut, di sini, hari ini.

Sebanyak RM10,000 sumbangan zakat oleh UDA disalurkan kepada 40 pelajar asnaf yang layak dari Sekolah Kebangsaan Sungai Danga, Johor Bahru, yang juga salah sebuah sekolah angkat UDA. Setiap pelajar menerima peruntukan zakat berjumlah RM250 bagi keperluan dan kelengkapan baharu untuk persekolahan tahun hadapan. Setiap pelajar dibawa berbelanja di Angsana Johor Bahru Mall dan sesi pembelian dibantu oleh kakitangan Angsana Johor Bahru Mall.

UDA sentiasa prihatin dan menyantuni komuniti setempat menerusi pelbagai program CSR di bawah jenama UDA Cares. Salah satu tunggak utama dalam UDA Cares ialah pendidikan yang memfokuskan pada pemerksaan generasi muda dalam pelajaran. Antara inisiatif terbesar UDA Cares - Educational adalah program Sekolah Angkat UDA di mana 12 sekolah di sekitar kawasan perniagaan UDA menerima sumbangan dana dalam usaha menambah baik aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum pelajar. Menerusi sumbangan 'Kembali ke Sekolah' ini juga, UDA berharap dapat menyuntik semangat kepada pelajar agar terus berdedikasi dalam sesi persekolahan akan datang.

Pada program yang sama, Angsana Johor Bahru Mall dengan usaha sama Badan Didikan Islam UDA (BADIM) turut menyalurkan sumbangan berjumlah RM4,000 kepada pelajar-pelajar tersebut bagi keperluan khusus untuk sekolah agama dan setiap pelajar menerima peruntukan berjumlah RM100. Kesemua pelajar turut menerima sumbangan beg sekolah daripada salah sebuah penyewa di Angsana Johor Bahru Mall iaitu Silver Planet.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), merupakan salah satu organisasi pemaju hartanah, pengurusan aset, fasiliti, dan hospitaliti yang mampan serta berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan aset, fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855